

SEJARAH SEKOLAH-SEKOLAH MELAYU (RENDAH)
DAN PERKEMBANGANNYA DI DALAM NEGERI JOHOR

KAMALIAH BT. MD. SHAHID



ARKIB

rb
f AC895
M22K15

K A N D U N G A N

	<u>HALAMAN</u>
PENDAHULUN.....	ii
SENARAI GAMBAR-GAMBARFOTO.....	iii, iv, v
SENARAI NAMA-NAMA ORANG YANG MENJADI SUMBER KAJIAN...	vi

<u>BAB.</u>	<u>MUKASURAT</u>
1. Sejarah Rengkas Sekolah-sekolah Melayu Negeri Johor.....	1 - 5
2. Pertumbuhan Sekolah-sekolah	
a) Permulaan hingga tahun 1941	5 - 7
b) Zaman Jepun (1841 - 1845).....	8 - 9
c) Sebelum Merdeka (1945 - 1957).....	9 - 11
3. Perkembangan Sistem Sekolah Berbilangbangsa dizaman penjajah Faktor-faktor yang menentukan perkembangan.....	11 - 13
4. Pertumbuhan sekolah-sekolah Melayu	
a) Pendidikan Melayu Sebelum Perang.....	13 - 16
b) Perubahan Sikap Terhadap Pelajaran.....	16 - 18
c) Perbezaan Pendidikan Kolonial dengan Selepas Merdeka	18 - 19
d) Akibat/Kesan Pelajaran Zaman Kolonial.....	19 - 20
5. Penutup	20 - 22
6. <u>Appendix I</u>	
<u>Senarai nama-nama sekolah-sekolah</u>	
Senarai nama sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan didalam Negeri Johor daripada tahun sebelum hingga tahun 1941.....	23 - 27
<u>Appendix II</u>	
Senarai nama sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan didalam Negeri Johor pada masa Pemerintahan Jepun (1941 hingga 1945).....	28
7. Bibliografi	29 - 30

Pendahuluan

Sejarah Sekolah-sekolah Melayu dan perkembangannya di dalam Negeri Johor ditulis khusus bagi diabadikannya dengan tujuan memberi sedikit sumbangan didalam bidang penulisan sejarah persekolahan dan pendidikan didalam Negeri Johor yang belum ada lagi penulisannya itu.

Bagaimanapun sumbangan yang sangat kecil ini memerlukan usaha yang sungguh-sungguh bagi mendapatkan bahan-bahan penulisan yang benar dan betul dari sumber-sumber yang hak dan tertentu.

Membuat kajian dengan menjelajah ke daerah-daerah didalam Negeri Johor walaupun telah dicuba dengan seberapa daya upaya untuk mendapatkannya daripada sumber-sumber yang boleh diharapkan, guru-guru besar sekolah-sekolah, guru-guru pelawat penolong-penolong nazir dan nazir-nazir sekolah, datuk-datuk penghulu mukim di daerah-daerah; kebanyakan daripada mereka itu telah bersara.

Kebanyakan sekolah-sekolah Melayu lama didalam tahun-tahun sebelum pemerintahan kerajaan Jepun di Malaya (sebelum tahun 1941) tidak dapat di-kesan lagi rekod-rekod atau catetan-catetannya kerana telah habis musnah didalam zaman pemerintahan Jepun itu; banyak sekolah-sekolah telah dijadikan pusat-pusat perkemahan dan pejabat tentera-tenteranya.

Saya merasai sangat terhutang budi kepada ramai daripada guru-guru besar, guru-guru pelawat, penolong dan nazir-nazir sekolah, penghulu-penghulu, kebanyakan daripada mereka telah pun bersara di daerah-daerah didalam negeri Johor yang telah dapat saya temuramah; mereka dengan segala senang hati telah memberikan kerjasama yang berharga merupai kenyataan-kenyataan bersejarah yang saya sangat perlukan bagi menolong saya menyampornakan penulisan saya.

Kepada mereka saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih yang tidak terhingga semoga Tuhan sajalah yang akan membalasnya.

Tidak lupa saya merakamkan terima kasih saya kepada yang berusaha Dr. Lim Teck Ghee, Universiti Sains Malaysia, yang telah banyak memberikan bimbingan, panduan dan tegoran yang sangat berguna kepada saya bagi menolong saya menulis sejarah sekolah-sekolah dan perkembangannya di dalam Negeri Johor ini. Sungguh pun demikian segala kelemahan-kelemahan yang terdapat didalam tulisan saya ini, adalah tanggungjawab saya sendiri yang tidak sekali-kali melibatkan kepada mereka yang telah memberikan kerjasama kepada saya.